

**GOTONG-ROYONG BERSAMA PENDUDUK DI BUKIT DO
26 FEBRUARI 2012 (AHAD)
BUKIT MERTA JAM, SPT**

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis

Y.B. Tan Cheong Heng
ADUN padang Lalang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha
Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-ketua Jabatan

Pegawai-pegawai kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Pemimpin Masyarakat

Tuan-tuan dan Puan-puan Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullaahi wabarakaatuh, selamat pagi
dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di atas limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul untuk menyertai gotong-royong di Bukit DO ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada YB, tuan-tuan dan puan-puan yang sudi menghadiri program ini walaupun selalunya pada hari cuti begini masa diluangkan bersama keluarga tetapi dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan di sini membuktikan semangat cintakan kawasan kejiranan/kehijauan dan rekreasi masih tebal di dalam sanubari masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Saya merasakan begitu aman dan nyaman melihat persekitaran di Bukit DO ini yang sesuai untuk aktiviti beriadah, jadi adalah penting untuk kita menjaga alam semulajadi ini agar kekal ceria dan bersih.

4. Saya berharap penganjuran program gotong royong ini dapat memupuk semangat kerjasama di kalangan kita penduduk dan pengunjung di Bukit DO.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Bukit DO merupakan kawasan yang telah diwartakan sebagai Taman Rekreasi oleh Kerajaan Negeri pada 26 Mei 2011 dengan keluasan seluas 10 ekar. Perancangan pembangunan rekreasi masa depan kawasan Bukit DO hendaklah dirancang dengan teliti untuk mengambil kira kehijauan kawasan ini. Pembangunan yang berkonsep “Destinasi Rekreasi Awam Untuk Semua” sedang dirangka dan diperincikan oleh MPSP.

6. Taman ini akan dibangunkan secara CSR dan ianya terbuka kepada penaja-penaja yang berminat. Antara komponen yang telah dicadangkan di Bukit DO ialah track jogging, laluan berbasikal dan tempat letak kereta.

7. Saya difahamkan Program gotong royong di Bukit DO hari ini merupakan aktiviti kebajikan yang mula-mula sekali diadakan di sini. Program gotong royong ini akan dapat mengeratkan lagi silaturahim dan kerjasama dengan penduduk-penduduk di sekitar kawasan dan juga

pengunjung di sini disamping sama-sama memelihara kebersihan dan kecantikan kawasan sekitar.

8. Bersama-samalah kita menjaga kebersihan dan kehijauan taman ini.

Wabillaahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullaahi
Wabarakaatuh.